

KEWAJARAN MEMBENARKAN PELAJAR MEMBAWA TELEFON PINTAR KE SEKOLAH DARI ASPEK KUALITI AKHLAK PELAJAR

[THE REASONABLE OF ALLOWING HIGH SCHOOL STUDENTS TO BRING SMARTPHONES TO SCHOOL]

ATIQAH ABD RAHIM¹* & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Corespondent Email: p111826@siswa.ukm.edu.my

Received: 16 June 2022

Accepted: 04 July 2022

Published: 23 July 2022

Abstrak: Kertas konsep ini membincangkan mengenai aspek kewajaran bagi membenarkan pelajar sekolah menengah untuk membawa telefon pintar ke sekolah. Penilaian ini diamati dari sudut kualiti akhlak pelajar berikutan aspek penggunaan telefon pintar yang sangat meluas, seiring dengan era pendigitalan yang kian canggih. Maka objektif utama bagi kertas konsep ini dijalankan adalah mengenai kewajaran membawa telefon pintar ke sekolah sewaktu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) berlangsung. Selain itu, ingin mengetahui bentuk-bentuk implikasi dari sudut akhlak pelajar akibat penggunaan telefon pintar di sekolah menerusi tinjauan kajian literatur. Justeru, kertas konsep ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak sekolah dalam membuat penilaian mengenai kewajaran membenarkan para pelajar membawa telefon pintar sewaktu P&P di sekolah dalam sudut keterampilan sahsiah pelajar.

Kata kunci: Telefon pintar, guru, pelajar, akademik dan sahsiah.

Abstract: This concept paper discusses about the reasonable of allowing high school students to bring smartphones to school. This assessment evaluated from the perspective of the ethical quality of the students due to the extensive usage of smartphones these days, in accordance with this era of sophisticated digitization. Therefore, this paper aims to study the reasons of why the school authorities allow the students to bring smartphones to school during Teaching and Learning (T&L) session. Besides, this paper would also investigate the implications from the viewpoint of student morality due to the use of smartphones at school through a comprehensive literature review. Thus, this paper expected to contribute a methodical review of the relevance of allowing students to bring a smartphone during T&L in school in terms of student behaviour.

Keywords: Smartphone, teacher, student, academic, and behaviour.

Cite This Article:

Atiqah Abd Rahim & Hafizah Zulkifli. (2022). Kewajaran Membenarkan Pelajar Membawa Telefon Pintar ke Sekolah dari Aspek Kualiti Akhlak Pelajar [The Reasonable of Allowing High School Students to Bring Smartphones to School]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(3), 128-136.

1.0 PENGENALAN

Banyak usaha yang dilakukan oleh kerajaan demi mengubah taraf hidup masyarakat, termasuklah menerusi pemerkasaan teknologi. Transformasi yang kian canggih dijalankan oleh platform pemerintahan agar segenap lapisan masyarakat dapat menikmati kelebihan jalur lebar saban hari tanpa limitasi waktu maupun lokasi. Paparan rubrik akhbar turut menyatakan senyuman kegembiraan bagi masyarakat yang menetap di luar bandar dan kawasan terpencil kerana sudah dapat mengakses internet sebagaimana penduduk kota raya (Helina Sendera Mohd Yakin, Junaidah Januin, & Odetta Yahacob, 2021). Perubahan ini merupakan gambaran awal yang memperlihatkan hampir keseluruhan manusia terarah kepada sumber internet lantaran manfaatnya yang meliputi pelbagai segi.

Antara objektif kajian bagi kertas konsep ini ialah ingin mengetahui kewajaran membentarkan pelajar membawa telefon pintar ke sekolah. Selain itu, ingin mengenal pasti contoh aplikasi sosial yang kerap digunakan sewaktu di sekolah. Hal ini demikian kerana kedapatan pelbagai aplikasi hiburan dan juga pembelajaran yang sering diakses oleh para pelajar dengan menggunakan telefon bimbit (Badlihisham, Izam & Rafiqi, 2022). Bukan itu sahaja, objektif yang menunjangi kajian ini adalah bentuk-bentuk perubahan sikap pelajar akibat kebenaran membawa telefon pintar ke sekolah. Norma baru ini menatijahkan persepsi terhadap roh kemanusiaan yang telah meletakkan gajet sebagai suatu bentuk alatan penting yang harus dimiliki oleh sesiapa sahaja, sebagai suatu tali interaksi yang menghubungkan antara satu sama lain. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti implikasi ledakan teknologi terhadap kemajuan prestasi kanak-kanak dari aspek perkembangan fizikal, interaksi, pergaulan sosial serta perubahan pencapaian mereka dalam aspek pembelajaran.

Hal ini demikian kerana revolusi digital ini telah mempengaruhi corak pemikiran dan tingkah laku manusia kerana fitrah kemanusian itu sendiri yang gemar akan peralihan yang lebih sempurna dalam mereka menjalani rutin sehari-hari (Ariesani & Melaty, 2020). Begitu juga halnya yang terjadi kepada remaja yang masih berada di bangku persekolahan. Fenomena yang berlaku dari masa ke masa ialah para pelajar sukar berenggang dengan telefon pintar milik mereka meskipun tatkala berada di kawasan persekolahan pada waktu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Walhal tempoh keberadaan di sekolah hanya sekitar enam hingga tujuh jam sahaja. Meskipun begitu, masih kedapatan pelajar yang ingkar akan peraturan sekolah dan tetap berkeras untuk membawa gajet ke sekolah. Maka kajian ini adalah untuk meninjau perspektif para guru di Malaysia mengenai kewajaaran kebenaran membawa gajet sewaktu P&P berlangsung (Badlihisham, Izam & Rafiqi, 2022).

2.0 PENGGUNAAN TELEFON PINTAR DEMI PROSES PEMBELAJARAN

Teknologi dalam pembelajaran pula membawa maksud proses penyaluran maklumat, perkongsian maklumat dan bahan pembelajaran serta penilaian individu dan keberkesanan pengajaran yang menggunakan medium peranti dan perisian teknologi (Deslandes-Martineau et al., 2020). Contoh alat teknologi yang dibina dan memberi manfaat dalam aspek pengajaran dan pembelajaran ialah mesin pencetak, komputer, komputer riba, pengimbas, perakam suara, kamera, televisyen, alat pemancar seperti projektor LCD dan *Overhead Projector* (OHP) dan telefon pintar. Meskipun kedapatan banyak lagi jenis alatan teknologi bagi tujuan pendidikan,

telefon pintar tetap menjadi tumpuan dan tarikan utama para pelajar (Malini & Keong, 2020). Maka alasan untuk membawa telefon pintar ke sekolah bagi kemudahan dalam pelajaran dijadikan hujah yang paling kuat dan logik bagi menyokong kelonggaran membawa telefon pintar ke sekolah.

Meskipun begitu, pengaplikasian telefon pintar tetap tidak dapat dinafikan manfaatnya untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran kerana telefon pintar dapat menambah baik dan mengintegrasikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara tradisional. Penggunaan telefon pintar bagi tujuan pembelajaran juga bukanlah satu perkara yang baru kerana teknologi telah digunakan dalam proses pengajaran guru di sekolah. Bezanya, ia digunakan dengan lebih meluas dan sepenuhnya semenjak penularan jangkitan virus korona (COVID19). Integrasi antara teknik pengajaran yang digunakan guru dalam pelaksanaan pengajaran dengan penggunaan alat teknologi dapat membantu guru menjalankan proses penyampaian maklumat dengan lebih efektif dan menarik (Skiba, 2017).

Antara media yang dapat diguna, dilihat dan dimuat turun menggunakan peranti teknologi ialah grafik, perkataan, animasi, video dan audio. Dengan menggunakan media-media tersebut, guru dapat membantu murid memahami konsep yang diajar dengan lebih baik dan berkesan (Malini & Keong, 2020). Jelaslah bahawa, aplikasi penggunaan teknologi sangat membantu guru dalam menyampaikan pengajaran secara maksima walaupun menghadapi kekangan penutupan sekolah atau institusi pendidikan akibat virus COVID19. Impak daripada pengalaman penggunaan teknologi sewaktu PDPR inilah yang turut menyumbang kepada norma baharu kepada pelajar sekolah menengah setelah pembukaan sekolah dibenarkan beroperasi semula.

3.0 KERELEVENAN TELEFON PINTAR UNTUK DIBAWA KE SEKOLAH

Menyoroti kajian Abdul Hafiz Abdullah, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Naquiah Nahar dan Sahrunizam Sangi (2018) telah memerihalkan mengenai bahana teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak. Meskipun sasaran kajian adalah kanak-kanak, namun kajian ini turut menyentuh lingkungan usia sehingga remaja. Hal ini kerana kesan negatif teknologi moden dinilai seawal usia kanak-kanak sehingga remaja melalui kajian dalam bentuk kepustakaan, komparatif, dan analisis historikal.

Kanak-kanak dan golongan remaja alaf 21 turut ditakrifkan sebagai warga digital berikutan dilahirkan dan dibesarkan pada masa kini yang mana menerima tempias besar ledakan teknologi moden. Purata mendapati kira-kira lapan jam sehari dihabiskan untuk teknologi hiburan dengan 65% daripada mereka disediakan televesyen di bilik tidur sendiri, manakala 50% pula berkongsi televesyen dengan ahli keluarga (Roman, 2012 dlm Abdul Hafiz Abdullah, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Naquiah Nahar & Sahrunizam Sangi, 2018). Tambahan, pengaplikasian *gadget* yang rata-rata dimiliki oleh hampir setiap remaja menjadi salah satu punca terbesar menularnya teknologi tanpa had dalam sesebuah institusi kekeluargaan.

Dapatan kajian oleh Azimah, Siti Nur dan Ahmad Fahmi (2021) pula menyokong kenyataan ini di mana ia mendapati bahawa kanak-kanak serta golongan belia yang mengalami sindrom ketagihan teknologi cenderung untuk mencontohi skrip keganasan melalui paparan media yang ditonton. Tontonan secara berulang kali membawa mesej yang agresif kepada

golongan yang dalam proses tumbesaran ini. Seterusnya ilmu praktikal secara tidak langsung yang dipelajari diadaptasikan ke dalam persekitaran sosial serta kehidupan mereka.

Maka tidak hairanlah kenapa gejala vandalisme, buli, peras ugut, lumba haram, dan bergaduh sehingga mengakibatkan kecederaan berlaku dalam kalangan remaja bawah umur 18 tahun. Sekiranya suatu masa dahulu isu keganasan hanya disandarkan kepada pelaku lelaki, kini tidak lagi. Lantaran pelajar perempuan yang disifatkan sebagai lemah turut memiliki keberanian yang sedang dengan lelaki. Begitu juga halnya dengan isu pergaulan sosial yang semakin parah dalam kalangan kedua-dua gender ini (Alifa Aliya & Zakiah, 2018).

Baik pelajar lelaki maupun perempuan sudah menipis rasa malu di dalam diri sehingga mengenepikan maruah diri, agama dan keluarga saat melakukan perbuatan zina dan bersekedudukan yang menyalahi syariat agama. Salah satu punca utama yang dipersalahkan adalah internet (Azimah, Siti Nur & Ahmad Fahmi, 2021). Maka kajian ini sangat jelas memaparkan betapa akhlak remaja kian rosak akibat teknologi maklumat yang lebih banyak mendatangkan keburukan berbanding kebaikan. Lebih-lebih lagi sekiranya laman sesawang dapat diakses sendiri oleh para pelajar sewaktu berada di sekolah. Impaknya, komunikasi antara pelajar dengan pelajar yang lain menjadi lebih mudah, sekali gus mendatangkan kemungkinan yang pelbagai dari aspek tingkah laku yang menyalahi undang-undang sekolah.

Menurut O'Doherty et al. (2018), penggunaan teknologi bukan sahaja membantu guru berinteraksi dengan murid dengan baik, tetapi juga membantu maklum balas yang lebih cepat dan mudah antara guru dengan murid sepanjang kelas dalam talian berjalan. Peralihan daripada pendekatan pembelajaran secara bersemuka di dalam bilik darjah kepada pendekatan pembelajaran dalam talian dilaksanakan bagi memastikan proses pendidikan berlaku secara berterusan. Bahkan sewaktu berupaya untuk berada di sekolah juga, para pelajar seolah-olah tidak mahu menyusahkan diri untuk berdepan dengan guru bagi bertanyakan mengenai kekeliruan dalam pelajaran. Namun mengambil jalan pintas dengan hanya menghubungi guru menerusi medium *Short Message System (SMS)* atau aplikasi *WhatsApp*.

Tinjauan terhadap kajian-kajian lepas membuktikan bahawa sememangnya masalah perilaku remaja kian menduduki carta graf yang menaik dan fakta ini tidak dapat disangsi lagi. Manakala korelasi di antara kaunseling dan pendekatan rawatan kerohanian dengan membawa pelbagai jenis teori, gagasan dan amalan praktikal dalam menangani gejala ini wajar dipuji. Isu yang sama dan tidak pernah lekang di bibir masyarakat iaitu kebejatan moral yang melibatkan golongan remaja, namun tetap membawa solusi yang meluas. Meskipun demikian, teori-teori yang didatangkan oleh bidang kaunseling serta alternatif yang disarankan oleh agama Islam tetap membawa matlamat yang sama iaitu bagi meneutralkan kembali akhlak *mazmumah* pelaku kepada akhlak *mahmudah*.

4.0 PERBINCANGAN DAN PERBAHASAN

4.1 KELONGGARAN MEMBAWA TELEFON PINTAR KE SEKOLAH ADALAH TIDAK PRAKTIKAL.

Kajian literatur memaparkan perbincangan yang meluas mengenai kebaikan dan keburukan membawa telefon bimbit ke sekolah. Permasalahan kajian pula menyatakan bahawa tempoh masa kebersamaan yang melampau antara pelajar dengan telefon pintar akan melumpuhkan

jaringan sosial di sekolah. Walhal, sekolah merupakan tempat di mana titik-titik ilmu bersua dan interaksi ilmiah juga kerap berlaku di sekolah. Namun, seandainya di sekolah juga menjadi tempat para pelajar bersama telefon sepanjang masa, maka fungsi kebaikan di sekolah juga seumpama telah malap dan lumpuh secara perlahan-lahan. Kenyataan ini disokong oleh kajian daripada Alifa Aliya (2018) dan Safiek (2019) yang menegaskan bahawa kebenaran membawa telefon bimbit ke sekolah akan mengurangkan penguasaan pelajar dari aspek pertuturan. Pelajar menjadi kurang yakin dalam berkomunikasi kerana interaksi yang sering terjalin dalam kehidupannya adalah secara senyap tanpa melibatkan suara.

Kajian oleh Zulkiflee, Arief, Aminudin, Juhazren, Al-Ikhsan, Nurul Bahiah, dan Rabiatul (2017) turut menyatakan bahawa perkembangan para pelajar dalam aspek perhubungan dan sosialisasi sewaktu di sekolah juga semakin pasif. Akibatnya ia memberi kesan kepada ikram persekitaran sekolah itu sendiri. Pelajar akan akan mengalami simptom kurang keyakinan diri untuk memulakan perkenalan dan membina persahabatan bersama rakan sebaya kerana lebih tertumpu kepada skrin telefon pintar semata-mata. Bukan itu sahaja, sikap lebih berdikari dan kegigihan sukar dilentur dalam jiwa pelajar lantaran mindanya lebih bergantung kepada sumber maklumat di hujung jari semata-mata. Nofharina dan Pitthauly (2018) turut menyebutkan dalam kajiannya dengan bahawa sebanyak 87% responden lebih cenderung terhadap komunikasi menerusi gajet berbanding secara *face to face* atau bersemuka.

Natijah daripada kecenderungan ini akan merendahkan komunikasi interpersonal dalam diri seseorang. Maka tidak hairanlah mengapa para pelajar era kini terkebelakang dalam penglibatan organisasi serta kurang berminat melibatkan diri dalam pertandingan yang menuntut keberanian diri seperti debat atau pidato. Shima dan Siti Marziah (2018) telah menyenaraikan kesan negatif yang lebih dominan yan dialami oleh kanak-kanak bawah usia 18 tahun akibat penggunaan peranti teknologi seperti telefon pintar dan tablet dengan lebih kerap. Pelajar seolah-olah telah berimajinasi dalam dunianya sendiri sehingga penguasaan kosa kata dalam aspek komunikasi secara langsung menjadi kurang lancar. Sewajarnya, waktu di sekolah selama hampir 6 jam sehari dapat mengasah kemahiran komunikasi serta intrisik yang baik kearah pembentukan identiti pelajar yang cemerlang.

5.0 CADANGAN

5.1 KEBENARAN PENGGUNAAN DI LUAR KAWASAN SEKOLAH

Prioriti yang tinggi terhadap penggunaan gadjet yang sangat memberangsangkan sedasawarsa ini sehingga barisan pendidik serta rata-rata ibu bapa menyokong kebenaran untuk membenarkan pelajar membawa telefon ke sekolah. Menyentuh mengenai isu kebenaran bagi membawa telefon pintar ke sekolah, hakikatnya ia disokong dengan hujah bahawa peraturan yang ketat perlu dilaksanakan ke atas pelajar yang membawa telefon pintar sewaktu proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Meskipun peraturan utama tetap melarang pelajar membawa telefon pintar atau *cellularphone* ke sekolah, namun pihak sekolah turut mengambil pendekatan agar para pelajar tidak menggunakan telefon pintar dalam kawasan sekolah sewaktu tempoh P&P berlangsung. Kelonggaran seterusnya pula ialah menggunakan telefon pintar sekadar bertujuan menghubungi ibu bapa bagi menjemput ke sekolah setelah waktu

persekolahan berakhir (Chan, Karomah, Kurniawan, Irani, Yolanda, Setianingtyas, Sargandi, 2019).

5.2 KEBENARAN HANYA KEPADA PELAJAR KELAS PEPERIKSAAN

Kajian oleh Norasyikin (2016) membentangkan angka-angka peratusan bagi menggambarkan ledakan penggunaan telefon pintar yang meningkat secara kritikal semenjak tahun 2013. Laporan jurnal ini menyatakan bahawa salah satu aktiviti yang meningkatkan kadar penggunaan telefon pintar adalah menerusi aktiviti akademik. Bertitik tolak daripada manfaat yang menjurus kepada akademik ini menunjukkan bahawa pelajar yang bakal menduduki kelas peperiksaan perlu diutamakan untuk diberi kebenaran membawa telefon pintar ke sekolah. Contohnya, pelajar yang bakal menduduki Penilaian Tingkatan Tiga (PT3), Pelajar Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan juga Pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun berkenaan. Situasi ini bermakna, pelajar lain yang tidak terlibat dengan peperiksaan besar seperti PT3, SPM dan STPM tidak dibenarkan membawa telefon pintar ke sekolah. Larangan tegas perlu diambil ke atas pelajar yang bukan daripada kalangan pelajar kelas peperiksaan sekiranya didapati menipu atau mengambil kesempatan di atas kelonggaran yang telah diberikan kepada pelajar kelas peperiksaan.

Hal ini selari dengan kajian oleh Fauziah, Khairiyah, Mohammad Aziz, Najwa, Norhidayah, dan Norhasniah (2014), yang menyebutkan bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan kesempurnaan dalam aspek perlaksanaan sistem pendidikan kepada pelajar-pelajar masa kini. Demi merealisasikan agenda ini, peranan terbesar disandarkan kepada guru agar dapat menarik minat pelajar untuk belajar dengan prakarsa yang efektif. Antaranya adalah dengan mempelbagaikan metodologi pembelajaran. Faktor luaran seperti keperluan peperiksaan, kekurangan bahan pengajaran dan keadaan persekitaran bilik darjah akan menjadi penghalang kepada keberhasilan pendidikan yang berkesan. Maka cadangan agar kebenaran untuk membawa telefon pintar adalah demi memenuhi kekurangan kepada keperluan peperiksaan bagi pelajar yang bakal menduduki peperiksaan semata-mata adalah sangat wajar untuk dipertimbangkan.

5.3 KEBENARAN MEMBAWA TELEFON PINTAR HANYA SEWAKTU AKTIVITI KOKURIKULUM

Aspek kemaslahan penggunaan telefon pintar sering kali dilihat dari sudut intrinsik penggunaan, walhal ia turut mendatangkan kebaikan ke arah perkembangan kemahiran motor. Bahkan, pendedahan yang lebih awal terhadap pengaplikasian peranti ini mendorong pelajar untuk menguasai pelbagai lapangan pengetahuan luar termasuklah kemahiran yang melibatkan fizikal (Alifa & Zakiah, 2018). Oleh yang demikian, cadangan membenarkan pelajar membawa telefon pintar ke sekolah sewaktu aktiviti kokurikulum dinilai amat wajar. Hal ini kerana, aktiviti kokurikulum kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar, lebih-lebih lagi pelajar perempuan. Penyertaan pelajar perempuan adalah seramai dua hingga enam peratus berbanding pelajar lelaki. Situasi ini berlaku lantaran minat pelajar perempuan yang lebih berpusat kepada penyertaan dalam kelab yang melibatkan akademik. Namun demikian, pengaplikasian peranti digital sewaktu aktiviti kokurikulum dilaksanakan ternyata bejaya

menarik minat para pelajar untuk lebih aktif bagi menghadirkan diri, sekali gus terlibat dalam aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Secara tidak langsung, motif pembentukan identiti dan ketahanan diri dapat diasah kepada pelajar untuk diaplikasikan di luar bilik darjah (Abdul Said & Sheila, 2020). Oleh itu, kebenaran penggunaan telefon pintar kepada semua pelajar sewaktu hari kokurikulum sahaja diandaikan dapat membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi penyertaan pelajar saban minggu.

6.0 KESIMPULAN

Tuntasnya, dapat dirumuskan bahawa motif utama pihak sekolah membenarkan para pelajar membawa *smart phone* atau telefon pintar ke sekolah adalah bermatlamatkan kemudahan pendidikan semata-mata (Nas Norziela Nasbah, 2021). Namun demikian, alasan lain yang turut menyokong kelonggaran bagi pelajar untuk membawa telefon pintar adalah demi keselamatan para pelajar sewaktu di dalam sekolah dan sejurus tamat sesi persekolahan. Bukan itu sahaja, peluang ini diberikan kepada pelajar agar dapat menggunakan telefon pintar bagi mendapatkan sumber maklumat yang tidak boleh didapati di gedung ilmu perpustakaan sebagaimana yang disediakan oleh prasarana sekolah. Hakikatnya, rata-rata pelajar telah menyalahgunakan telefon pintar di sekolah yang mengundang kesan buruk kepada kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar.

Bukan itu sahaja, keputusan akademik pelajar juga mengalami kemerosotan sejak kelonggaran ini diberikan. Situasi ini sangat berlawanan dengan markah peperiksaan pelajar tatkala masih menggunakan teknik tradisional tanpa melibatkan penggunaan telefon pintar dalam pelajaran (Nor Idayu, 2021). Toh mahan yang mengatakan bahawa kaedah pembelajaran secara manual menyebabkan prestasi keilmuan pelajar ketinggalan jauh terkebelakang adalah silap sama sekali. Ini kerana lambakan buku-buku edisi terkini dan lama yang bersilih ganti telah menyajikan keperluan ilmu yang diperlukan oleh pelajar (Badlihisham, Izam & Rafiqi, 2022).

Bahkan bahan-bahan ilmiah dalam bentuk naskhah juga terbukti belum berupaya dihabiskan dan dikuasai oleh pelajar, inikan pula mendabik dada menagih sumber daripada luar. Alasan ini tidak lain sekadar mengaburi mata tenaga pengajar, lebih-lebih lagi pihak atasan agar membenarkan para pelajar membawa telefon pintar ke sekolah. Permintaan untuk membawa telefon ini dapat ditimbang tara dan dipolemikkan dengan lebih serius sekiranya pelajar mempamerkan minat yang mendalam terhadap sumber keilmuan sedia ada seperti buku ulang kaji, nota tambahan dan buku teks yang telah disediakan oleh pengajar sehingga stok buku latihan sentiasa perlu ditambah dari saban waktu. Namun, fenomena ulat buku ini tidak pula terserlah dengan unggul dalam aktiviti pelajar berdasarkan pemerhatian guru.

Sesungguhnya, indikator intelektual bagi seseorang pelajar bukanlah diukur menerusi kecanggihan jenama telefon pintar yang dimiliki olehnya. *Trend* atau budaya memperagakan telefon pintar edisi terkini di hadapan khalayak rakan sekelas sewaktu di sekolah hanyalah menularkan sifat kesombongan semata-mata. Sehingga niat utama ke sekolah untuk menuntut ilmu dengan guru dan saling berdiskusi bersama rakan sekelas sudah terpesong akibat pembudayaan membawa telefon pintar yang kian dinormalisasikan oleh majoriti sekolah. Rumusannya, para guru harus bersiap siaga dan berganding bahu dengan membuktikan kepada pelajar bahawa guru ibu merupakan buku bergerak yang diperlukan oleh pelajar, melebihi

maklumat yang boleh diperoleh oleh pelajar menerusi carian di internet. Guru adalah ibu segala ilmu dan pelajar hanya memerlukan guru dan buku bukan lagi telefon pintar sewaktu menjalani tempoh P&P di sekolah bagi seluruh sekolah di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang & Sheila Michael. 2020. Pengaruh Teknologi Digital Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 5(6): 25-32.
- Agung Rimba Kurniawan, Faizal Chan, M Sargandi, Stevie Yolanda, Resty Karomah, Wuri Setianingtyas & Sintia Irani. 2019. Kebijakan Sekolah dalam Penggunaan Gadget di Sekolah Dasar. *Jurnal Tunas Pendidikan* 2(1): 72-81.
- Ahmad A'toa' Mokhtar & Mardiana Mohd Noor. 2021. Zikir dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam. *Jurnal Pengajian Islam* 14: 204-217.
- Alifa Aliya Ngadiman dan Zakiah Mohamad Ashari. 2018. Sikap Terhadap Gajet Teknologi dan Kesannya kepada Sosio-Emosi Pelajar: Kajian Meta-Analisis. *Sains Humanika* 10: 3-2: 89–94.
- Azimah Adhhar, Siti Nur & Ahmad Fahmi Mahmood. 2021. Nomophobia dalam Kalangan Kanak-Kanak di Batu Pahat Johor. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLB)* 5(16): 1-25.
- Badlihisham Mohd Nasir, Izam Kamisian & Rafiqi Daniel Ramadhan. 2022. Teknologi Melawan Teknologi: Apakah Teknologi Pelengkap Sesuatu yang Perlu dalam Era Informasi Digital?. *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan*, hal. 63-76.
- Fauziah Mohd Sa'ad, Khairiyah Mohd Ali, Mohammad Aziz, Najwa Hananie Athdzar, Norhidayah Jaapar, & Wan Norhasniah Wan Abd Rashid. 2014. Faktor, Kesan dan Strategi Menangani Permasalahan Kurang Tumpuan Pelajar Sekolah Menengah di Dalam Kelas: Suatu Kajian Kualitatif. *International Counseling Conference and Work, 13-15 Sep 2014, Medan*, hal. 1-28.
- Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin & Mus'ab Ab Sahrim. 2018. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(3): 131-140.
- Naquiah Nahar, Sahrunizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah. 2018. Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak. *International Journal Of Islamic And Civilization Studies* 5(1)87-99.
- Nas Norziela Nasbah. 2021. Sedia Aku Janji Kebenaran Bawa Telefon antara Pelajar, Sekolah. Berita Harian, 15 Disember: 1.
- Noor Syahida Shamsuddin, Rosamalina Mohd @ Mohd Noor & Safiah Awang. 2019. Perbandingan Penggunaan Telefon Pintar Untuk Tujuan Umum dan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Semester 1 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu. *Proceeding of the Malaysia TVET on Research via Exposition 2019 1-2 August 2019, Politeknik Muadzam Shah, Pahang*, hal. 225-235.

- Nor Idayu Bosro. 2021. Guru jadi Mangsa Sekiranya Pihak KPM bagi Pelajar Bawa Telefon ke Sekolah, Majoriti: Refleksi Tanpa Prejudis. 25 November.
- Norasyikin Ibrahim. 2016. Kesan Perantaraan Perilaku Tabiat Pelajar dan Hubungan antara Faktor Peramal Terhadap Perilaku Penggunaan Sebenar Telefon Bimbit dalam Aktiviti Akademik. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nurzaimah Asalal, Haris Abd Wahab & Ezarina Zakaria. 2019. Keperluan Pekerja Sosial Sekolah Untuk Menangani Masalah Sosial Pelajar Di Malaysia. *The Malaysian Journal Of Social Administration* 14(2): 62-78.
- Pitthauly Haomasan & Nofharina Nofharina. 2018. Pengaruh Penggunaan Smartphone Terhadap Pola Komunikasi Interpesonal Siswa SMP Negeri 50 Bandung. *Jurnal Komunikasi* 12(1): 1-7.
- Safiek Mokhlis. 2019. Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Penerokaan Awal. *Jurnal Dunia Pendidikan* 1(1): 7-18.
- Shima Dyana Mohd Fazree & Siti Marziah Zakaria. 2018. Kesan Penggunaan Gajet epada Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Wacana Sarjana* 2(4): 1-6.
- Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. 2020. Tingkah Laku Devian dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. *Jurnal Sains Sosial* 4(1): 93-101.